



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

25 Ramadhan 1441 / 19 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 25 Ramadhan 1441H bersamaan 19 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 136 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **4 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine* (ECMO) dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya

memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada ketika ini, seramai **97 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,582 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 222 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 17,636 ujian.
5. Seterusnya, berikutan makluman mengenai ***Bruhealth App*** semasa sidang media pada baru-baru ini, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 156,961 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Disamping itu juga, sejumlah 2,313 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut. Dengan ini, orang ramai yang belum mendaftar adalah disyorkan untuk memuat turun dan mendaftar ke aplikasi **Bruhealth** tersebut. Kerjasama orang ramai dalam penggunaan aplikasi Bruhealth serta mengimbas QR code di tempat keluar masuk premis akan sedikit sebanyak memastikan keselamatan orang ramai termasuk penjual dan pelanggan terjamin serta akan memudahkan Kementerian Kesihatan untuk membuat *contact tracing*

sekiranya ada penularan jangkitan berlaku. Sama-samalah kitani saling ingat mengingati.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Sama-samalah kita  
mempertingkatkan amal ibadah kita di penghujung  
Ramadhan ini dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wa  
Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit  
terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan  
Kebangsaan dan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa  
terlindung dari wabak COVID-19.  
Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 25 Ramadhan 1441H / 19 Mei 2020